

Suspek dalangi kegiatan tukar status rumah

BH. 27/2/2017 ms. 14

➔ Pemaju sorok hampir 30 peratus kuota disediakan kepada pembeli Bumiputera

Oleh Mohd Fahmi
Mohd Yusof
mohdfahmi@bh.com.my

► Johor Bahru

Semua suspek yang ditanah berkaitan rasuah dan penyelewengan tanah di Johor kelmarin, disyaki mendalangi kegiatan penukaran status rumah Bumiputera kepada bukan Bumiputera, sejak tahun 2013.

Sumber Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkata, penipuan penukaran status itu dipercayai membabitkan beberapa pemaju negeri ini, hingga menyebabkan mereka yang layak mendapatkan rumah Bumiputera, tidak mampu untuk membeli rumah.

Penukaran status berkenaan dilakukan kerana rumah ber-

statuskan kuota Bumiputera, apabila ditukar kepada bukan Bumiputera, menjadikan haraganya meningkat beberapa kali ganda daripada harga yang asal.

Sumber berkata, berdasarkan modus operandi, pemaju terabit menyorokkan hampir 30 peratus kuota yang disediakan kepada pembeli Bumiputera secara mendaftarkan nama kerja mereka yang mempunyai status Bumiputera.

"Tindakan itu akan menguntungkan pemaju dan mereka yang terabit dalam aktiviti ini tetapi yang terseksi adalah masyarakat yang ingin memiliki rumah sendiri," kata sumber itu.

Penukaran status yang dilulus dan dilaksanakan bukan sahaja menyebabkan mereka yang berstatus Bumiputera, malah masyarakat yang berpendapatan sederhana juga tidak mampu memiliki rumah sendiri.

Alasan tak berjaya dijual
Difahamkan pemaju akan membuat permohonan kepada kerajaan negeri untuk menukar rumah berstatuskan Bumiputera kepada bukan Bumiputera dengan alasan rumah itu tidak berjaya dijual sedangkan apabila ditanya pembeli, pemaju memberi alasan rumah berstatuskan Bumiputera habis.

Dalam tangkapan kelmarin,

SPRM menahan enam individu termasuk anak serta seorang pegawai khas seorang EXCO kerajaan negeri serta membekukan 45 akaun bank bermilai RM15.5 juta. Turut dirampas 21 kereta mewah, lima motosikal kuasa tinggi serta wang tunai RM500,000.

Sumber turut memaklumkan, menerusi maklumat yang dikumpul setakat kini, pemaju akan dikenakan denda pada kadar tertentu yang sepatutnya dimasukkan ke dalam satu tabung khusus diwujudkan yang mana akan digunakan untuk tujuan membantai kemudahan di kawasan perumahan.

Masih menyiasat

Bagaimanapun, disyaki hanya sebahagian daripada keseluru-

han jumlah itu dimasukkan ke dalam tabung berkenaan, manakala bakinya disyaki diseleweng.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Bakri, ketika dihubungi mengesahkan pihaknya sedang menyiasat kewujudan penipuan dalam penukaran status Bumiputera kepada bukan Bumiputera.

Beliau berkata, SPRM masih dalam proses menggeledah pejabat suspek untuk mendapatkan dokumen yang dapat membantu pasukan siasatan mengumpul lebih banyak maklumat berhubung penipuan itu.



Keratan akbar
BH semalam.